



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RECYCLE ART GARDEN PERTAMA DI PULAU MUTIARA BORNEO

LABUAN, 7 Februari 2020 - YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyertai aktiviti melengkapkan *Art by the Bay* di Pantai Tanjung Purun, berdekatan dengan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Program khas selama 6 bulan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini mendapat penglibatan dari pelbagai pihak serta sukarelawan Labuan yang mensasarkan penyertaan lebih 1,000 orang.

Aktiviti yang dijayakan bersama Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Kampung Durian Tunjung, Labuan ini diketuai oleh Cik Darlene Dymphna Clement dan Puan Mimi D. Selvakumar. Program ini turut melibatkan penyertaan daripada pelukis, belia dan ahli komuniti Rukun Tetangga.

Tujuan utama program ini dianjurkan adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan penjagaan alam sekitar dan pada masa yang sama dapat membudayakan amalan mengitar semula serta menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat setempat. Usaha ini adalah seiring dengan hasrat kementerian untuk menambah lebih banyak kawasan hijau di Wilayah Persekutuan dan menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman.

Aktiviti *Art by the Bay* ini direalisasikan melalui pembinaan sebuah arca kerang gergasi bersaiz 10 x 15 kaki di dalam sebuah taman mini berkonsepkan *Recycle Art Garden* dengan menggunakan barang terbuang. Arca kerang ini adalah simbolik kepada

Wilayah Persekutuan Labuan yang dikenali ramai sebagai Pulau Mutiara Borneo (*Pearl of Borneo*).

Landskap taman ini akan bakal dihiasi dengan pelbagai pokok bunga, tumbuhan menjalar dan beberapa bahan binaan yang berdasarkan bahan kitar semula. Antaranya, tong sampah yang diperbuat daripada tayar lama, batu-bata daripada botol plastik yang dimampatkan serta hiasan yang menggunakan botol kaca terpakai. Taman ini dijangka mengambil masa 3 minggu untuk disiapkan sepenuhnya.

Semangat kesukarelawan seperti ini dapat memupuk kerjasama yang tinggi dan (*self-belonging*) dalam kalangan rakyat khususnya warga Labuan. Usaha ini merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah wilayah yang bersih selaras dengan hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan ini sentiasa mampan dan lestari.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
7 Februari 2020**